Arahan: Kertas soalan ini mengandungi 60 soalan. Jawab semua soalan. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf A, B, C dan D. Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.

Soalan 1 hingga Soalan 6 berdasarkan peta di bawah.



1. Kirakan bearing sudutan Bukit Raya (RG 375688) ke sekolah (RG 317629).

A 37°
B 53°
C. 217°
D 143°

2. Jarak lurus dari kuil (RG 325633) ke kilang (RG 343643) ialah

A 21 km
B 30 km
C. 42 km
D. 60 km

3 Apakah faktor yang mempengaruhi petempatan di dalam peta?

I sumber air
I keselamatan
III ketersampaian
IV kegiatan ekonomi

A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

5. Sungai Setia mengalir ke arah

A. utara
B. tenggara
C. barat laut
D. selatan

7. Apakah bentuk muka bumi pinggir laut yang terhasil daripada tindakan pemendapan ombak?

A Gua
B Tombolo
C Tunggul sisa
D Gerbang laut

8. Apakah bentuk muka bumi yang terdapat di peringkat hulu sungai?

A Lurah U
B Tetambak
C Air terjun
D Tasik ladam

9. Peta 1 menunjukkan suatu kawasan tanah tinggi di Semenanjung Malaysia



Peta 1 : SEMENANJUNG MALAYSIA

Lokasi pelancongan yang manakah terdapat di kawasan tersebut?

A Gunung Tahan
B Gunung Ledang
C Tanah Tinggi Genting
D Tanah Tinggi Cameron

10. Apakah potensi bentuk muka bumi berikut?

- Gua Niah
- Gua Mulu

A pelancongan
B perlombongan
C tempat ibadat
D petempatan luar bandar

12 Kawasan yang bertanda X dan Y dalam peta 2 mempunyai ciri suhu yang sama.




Peta 2 : MALAYSIA

Apakah faktor yang mempengaruhi suhu di kawasan tersebut?

A ketinggian
B kedudukan
C tiupan angin
D tumbuhan semula jadi

13. Apakah jenis iklim di kawasan berlorek dalam Peta 3?




Peta 3 : DUNIA

A Gurun
B Tundra
C Siberia
D Mediterranean

14. Apakah kejadian yang berlaku apabila bumi berada pada kedudukan seperti dalam rajah 3?




Rajah 3

A soltis musim sejuk
B soltis musim panas
C ekuinoks musim luruh
D ekuinoks musim bunga

15. Apakah faktor yang mempengaruhi jumlah hujan di kawasan berikut?

- Jelebu
- Kuala Pilah

A jarak dari laut
B kawasan tanah tinggi
C pengaruh angin monsun
D kawasan lindungan hujan

16. Maklumat berikut menerangkan cara hidup penduduk di suatu kawasan pada musim panas.

- Tinggal dalam tupik
- Kayak digunakan

Di manakah kawasan tersebut?

A Siberia
B Greenland
C Mediterranean
D MonsunTropika

17. Rajah 4 di bawah menunjukkan keadaan waktu siang dan malam di kawasan yang mengalami iklim gurun panas.




Rajah 4

Kawasan gurun panas mengalami julat suhu harian yang besar kerana

A kurang litupan awan
B sifat kebenuaan
C dikelilingi oleh laut
D kedudukan garis lintang

18. Kawasan bertanda manakah di peta di bawah merujuk kepada pernyataan di bawah?

- Dataran beralun
- Tanaman utama kelapa sawit dan getah




Peta 4 : MALAYSIA

19. Jadual di bawah menunjukkan kesan penipisan lapisan ozon.

- Katarak mata
- Kanser kulit
- **X**

Apakah **X**?

A nutrien tanih meningkat
B sistem pelalian badan lemah
C hasil pertanian meningkat
D penyakit asma

Soalan berikut berdasarkan peta 5 di bawah



Peta 5 : MALAYSIA

20 Huraian di atas benar mengenai tumbuhan semula jadi di kawasan bertanda

A I
B II
C III
D IV

Soalan berikut berdasarkan Peta 6 di bawah.




Peta 6 : MALAYSIA

22. Berdasarkan peta di atas, delta terbentuk di sungai yang bertanda

A I
B II
C III
D IV

25. Apakah kesan pelepasan gas akibat aktiviti berikut?

- gas penyejuk dalam peti sejuk
- pembakaran polisterin
- penggunaan bahan aerosol

A Hujan asid
B Pulau haba
C Kesan rumah hijau
D Penipisan lapisan ozo

27. Perkembangan kegiatan ekonomi menyebabkan penduduk berpindah untuk memulakan kehidupan baru di kawasan X. Ini disebabkan

A tenaga buruh yang ramai
B penggunaan teknologi moden
C kemudahan asas yang lengkap
D rancangan pembangunan tanah

28 Migrasi penduduk yang melibatkan golongan belia paling banyak berlaku dari

A estet ke estet
B FELDA ke pedalaman
C luar bandar ke kawasan perkilangan
D pedalaman ke luar bandar

29 Faktor utama yang menyebabkan bahagian tengah Semenanjung Malaysia berpenduduk jarang ialah

A kawasan paya bakau yang luas
B sistem pengangkutan yang kurang maju
C bentuk muka bumi yang bergunung-ganang
D tanih yang tidak subur

30. Faktor budaya yang mempengaruhi pengurangan kadar kematian bayi di Malaysia ialah

A amalan pemakanan seimbang
B tradisi keluarga kecil
C umur perkahwinan yang lewat
D amalan perancangan keluarga

31. Mengapakah petempatan awal manusia bermula di lembah sungai ?

A keselamatan terjamin
B kekurangan teknologi
C tanah yang subur
D iklim yang sesuai

33. Apakah fungsi kawasan luar bandar di Malaysia?

A pusat industri berat
B pengeluar hasil pertanian
C menyediakan buruh mahir
D membekalkan kuasa hidroelektrik

34. Sesebuah bandar diberi taraf bandar raya apabila bilangan penduduk melebihi

A 10 000 orang
B 100 000 orang
C. 1 000 000 orang
D. 10 000 000 orang

36. Berdasarkan maklumat di bawah, pola petempatan yang benar ialah

- Tanah rancangan FELDA
- Ladang kelapa sawit dan getah

A 

B. 

C. 

D. 

37. Pembinaan jalan keretapi awal di Semenanjung Malaysia dikaitkan dengan Perlombongan

A bauksit
B bijih besi
C arang batu
D bijih timah

38. Apakah cara untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di bandar-bandar besar?

A membina jejantas
B membina laluan bertol
C membina laluan bertingkat
D menyediakan laluan motosikal

39. Terminal kereta api yang terakhir di pantai timur Semenanjung Malaysia ialah

A Kota Bharu
B Tumpat
C Gua Musang
D Kuala Krai